

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 4 JUN 2014 (RABU)

Bil	Tajuk	Akhbar
1	RM1B fund to boost education sector	New Straits Times
2	Pegawai Jakim sedia makan coklat cadbury	Sinar Harian
3	Usah makan jika was-was	Sinar Harian
4	Percaya kepada kredibiliti Jakim	Sinar Harian
5	Jakim digesa kaji semula beri sijil halal	Utusan Malaysia
6	Kementerian Kesihatan akui silap	Utusan Malaysia
7	Pegawai bocor maklumat awal akan disiasat	Harian Metro
8	Samples may have been contaminated	The Sun

KERATAN AKHBAR
NEW STRAITS TIMES (BUSINESS TIMES) : MUKA SURAT B6
TARIKH : 4 JUN 2014 (RABU)

RM1B FUND TO BOOST EDUCATION SECTOR

THE Education Ministry has allocated some RM1 billion this year to improve the standard of the education sector in Malaysia.

Education Ministry Secretary-General II Prof Datuk Seri Ir Dr Zaini Ujang said the funding has been allocated in two separate budgets, namely the annual budget for higher education institutions and development budget, which comes under the 10th Malaysia Plan.

Some RM600 million has been set aside for the annual budget, whereas the balance has been allocated for the development budget, he added.

"I believe the amount of about RM1 billion is sufficient to help improve the education industry," said Zaini.

He was speaking to reporters at a press conference after launching the World Engineering, Science & Technology Congress (ESTCON2014) in Kuala Lumpur yesterday.

The Education Ministry also plans to introduce liberal arts subjects in the Malaysia Education Blueprint 2015-2025, which is being formulated, to give opportunity for students to learn the subjects in universities.

Zaini said the ministry acknowledges the importance of integrating science and liberal arts subjects, such as economy, history and sociology.

"It is important to have knowledge in all the necessary major subjects for us to move forward to become a developed nation."

"In the past, when we learnt science, it was all about science subjects like



WORLD ENGINEERING, SCIENCE & TECHNOLOGY CONGRESS (ESTCON)
ESTCON2014
ENGINEERING, SCIENCE, TECHNOLOGY AND HUMANITIES - CONVERGENCE FOR A SUSTAINABLE FUTURE
KUALA LUMPUR, 2 MAY 2014 - 5 MAY 2014

physics, chemistry and biology. But with this conference (ESTCON2014), we want to look into the integration between engineering, science, technology, as well as humanities," said Zaini, who launched the conference on behalf of Second Education Minister

Datuk Seri Idris Jusoh.

ESTCON2014, which is the biggest event in the country, is being held from yesterday until tomorrow at the Kuala Lumpur Convention Centre here.

The conference is the only event where industries, academia, the gov-

ernment and the public converge to take part in global business roundtables to discuss ideas, share knowledge, learn about latest inventions and research, and facilitate commercialisations of ideas that benefit industries and the economy.

Themed "Engineering, Science, Technology and Humanities: Convergence for a Sustainable Future", the conference featured 20 parallel sessions and more than 1,500 research and industry papers from around the world.

The main sponsors of ESTCON2014 are Petrolif Nasional Bhd and Exxon Mobil Exploration and Production Malaysia Inc as the Diamond Sponsors, and Dialog Group Bhd as the Gold Sponsor.

The Ministry of Science, Technology and Innovation's Deputy Secretary-General (Science) Dr Zulkifli Mohamed Hashim and Deputy Minister Datuk Dr Abu Bakar Mohamed Diah will officiate at the conference's closing ceremony tomorrow.

Education Ministry
Secretary-General II
Prof Datuk Seri Ir Dr Zaini Ujang
(right) with Universiti
Teknologi Petronas
Vice-Chancellor
Datuk Ir Dr Abdul Rahim Hashim
(second from right)
and Renewable and
Sustainable Energy
Institute energy
education director
and University of
Colorado Boulder
lecturer **Prof Dr Paul Komor**
visiting a booth at
ESTCON2014 in
Kuala Lumpur
yesterday.
Pic by Mohamad
Shahril Badri Saali

Pegawai Jakim sedia makan coklat Cadbury

SHAH ALAM- Pegawai Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) sedia mengadakan demonstrasi memakan coklat Cadbury bagi meyakinkan orang ramai status halal produk tersebut.

Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Hab Halal Jakim, Mohd Amri Abdullah berkata, ia bagi membuktikan kepada orang ramai berkenaan keputusan terbaru agensi tersebut bahawa dua coklat Cadbury halal dimakan.

"Sebagaimana yang disebutkan bahawa status Cadbury yang diputuskan adalah halal. Kalau diminta kami makan coklat Cadbury kami yakin bahawa apa yang diberikan status pensijilan itu ada-

“Pihak Jakim hanya menggunakan makmal jabatan kimia yang dibenarkan sahaja.” - Mohd Amri

lah halal sepenuhnya.

"Dalam hal ini, ia memerlukan keyakinan yang begitu utuh, yang begitu kuat untuk menentukan konsep halal," katanya yang dipetik daripada laporan Astro Awani.

~~Kata beliau, masyarakat perlu meletakkan sepenuhnya kepercayaan kepada jabatan tersebut berkaitan pensijilan halal.~~

"Untuk keputusan pensijilan halal ini, pihak Jakim hanya menggunakan **makmal jabatan kimia** yang dibenarkan sahaja.

"Standard dan prosedur Jakim gunakan untuk memberikan pensijilan halal ini sama dengan apa digunakan Kementerian Kesihatan (KKM)," katanya.

Sebelum ini, KKM mengesahkan terdapat DNA babi (porcine) dalam dua produk coklat Cadbury.

Bagaimanapun pada Isnin lalu, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom mengumumkan tida DNA babi dikesan dalam dua produk coklat Cadbury berkenaan selepas dijalankan analisis oleh Jabatan Kimia.

KERATAN AKHBAR
SINAR HARIAN (ISU COKLAT CADBURY) : MUKA SURAT 3
TARIKH: 04 JUN 2014 (RABU)

Usah makan jika was-was

SHAH ALAM – Orang Islam yang was-was dengan status halal sesuatu makanan dinasihatkan supaya tidak mengambil produk berkenaan.

Pengerusi Pertubuhan Muttaqa Asatizah dan Pendakwah Malaysia (Mürshid), Dr Zaharuddin Abdul Rahman berkata, perasaan was-was terhadap sesuatu produk boleh menyebabkan hukum memakan-nya jatuh haram.

“Bahayanya was-was apabila sesuatu produk itu akan jadi hukum haram. Sebab itu, kita memerlukan penjelasan terperinci daripada pihak berkenaan. (Dalam kes coklat Cadbury) Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim), Kementerian Kesihatan dan **Jabatan kimia** seharusnya duduk sepantas beri penjelasan bagi mengelak kekeliruan,” katanya.

Selain itu, kata Zaharuddin, kerajaan juga perlu mengetatkan pemberian logo halal selain mewujudkan akta berkaitan produk

halal agar hak dan kepentingan pengguna Islam tidak dipandang remeh.

“Perlu tatacara jelas mengenai sesuatu produk yang diklasifikasi halal kerana bukan semua produk ada logo halal, selamat dimakan.

“Saya juga fikir perlu ada auditor syariah di setiap syarikat yang mendapat kelulusan halal daripada Jakim bagi memastikan produk yang dikeluarkan mematuhi prosedur halal,” katanya.

Katanya lagi, setiap produk sebelum mendapat sijil halal perlu melalui prosedur ujian di Jabatan Kimia bagi mengesahkan kandungan dalam produk tersebut sesuai dimakan.

“Sesuatu produk yang menimbulkan rasa was-was seharusnya tidak diambil berdasarkan elemen fikah iaitu keyakinan tidak dapat dihapuskan oleh keraguan. Bermakna apabila dah ada keyakinan, keraguan yang sedikit dapat diatasi,” katanya.

KERATAN AKHBAR
SINAR HARIAN (ISU COKLAT CADBURY) : MUKA SURAT 4
TARIKH: 04 JUN 2014 (RABU)

Percaya kepada kredibiliti Jakim

SHAH ALAM - Rakyat wajar meletakkan kepercayaan kepada bahagian halal Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim).

Pensyarah Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Dr Maszlee Malik berkata, prosedur standard operasi (SOP) dan tahap profesionalisme Jakim dalam isu pelabelan halal boleh diyakini.

Menurutnya, sebarang penyalahgunaan label adalah di luar kawalan makmal mereka.

"Keputusan **Jabatan Kimia** pula menguatkan lagi kredibiliti pengesahan Jakim. Justeru hasil kajian mereka sewajarnya diterima dan dijadikan kata permutus berhubung penemuan DNA babi di dalam dua coklat Cadbury.

"Kedua-dua badan ini adalah pihak mempunyai autoriti di dalam bidang mereka serta wajar dijadikan rujukan," katanya dalam satu kenyataan.

Beliau berkata, pihak Kementerian Kesihatan pula wajib bertanggungjawab dalam perkara tersebut demi menjaga imej mereka.

"Dedahkan sumber coklat mereka uji, pihak telah menyerahkan sampel tersebut dan juga pihak membocorkan maklumat hasil kajian mereka di media sosial yang sepatut-



DR MASZLEE

nya dirujuk kepada Jakim.

"Hal ini amat perlu berteraskan konsep ketelusan dan akauntabiliti. Memandangkan apa yang berlaku telah disahkan oleh pihak kementerian sehingga menyebabkan suasana tidak tenteram dan kegelisahan melampau di kalangan rakyat beragama Islam," katanya.

Pada masa sama katanya, Cadbury sebagai syarikat pengeluar coklat bertaraf antarabangsa wajar menubuhkan badan penasihat Syariah sendiri untuk memantau proses pembuatan mereka.

"Ia demi memperbaiki kesan imej kritikal di kala ini, sama ada di Malaysia maupun di peringkat antarabangsa, di samping memberi keyakinan pada pelanggan Muslim.

"Penubuhan itu juga akan meningkatkan kredibiliti Cadbury untuk jangka masa panjang," katanya.

**KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 4
TARIKH : 4 JUN 2014 (RABU)**

Bagi membendung status makanan pengusaha syarikat bukan Islam

Jakim digesa kaji semula beri sijil halal

Oleh LILIS SURIANI OMAR

pengarang@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 3 Jun - Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) digesa mengkaji semula kaedah pengeluaran sijil halal kepada pengusaha produk makanan di negara ini khususnya bagi membendung masalah status halal yang diberikan kepada pemilik syarikat bukan Islam.

Presiden Pertubuhan Ikatan Usahawan Kecil dan Sederhana Malaysia (Ikhlas), **Mohd. Ridzuan Abdullah** berkata, perkara itu termasuk membabitkan syarikat Cadbury Confectionery (M) Sdn. Bhd. berikut dua produk coklatnya dikatakan tercemar dengan Asid Deoksiribonukleik (DNA) babi (*porcine*) oleh Kementerian Kesihatan, baru-baru ini.

nukleik (DNA) babi (*porcine*) oleh Kementerian Kesihatan, baru-baru ini.

Katanya, walaupun produk tersebut disahkan tidak mengandungi DNA babi setelah keputusan ujian Jabatan Kimia dijalankan terhadap sampel dari kilang, pencemaran masih boleh berlaku pada peringkat pasaran dan mendatangkan risiko kepada pengguna Islam.

"Apabila isu ini timbul dan media sudah memainkan perkara ini, tidak mustahil pihak pengilang sudah membuat persediaan untuk diperiksa. Kemungkinan juga sampel ujian itu diganti dengan



RIDZUAN ABDULLAH



AZWANDDIN HAMZAH

bahan lain dan akhirnya pengguna diperbodohkan.

"Dalam pada itu, saya mempersoalkan mengapa syarikat Cadbury yang bukan dimiliki orang Islam

mudah mendapat persijilan halal. Melalui data Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, hanya seorang daripada lapan Ahli Lembaga Pengarah syarikat itu adalah orang Islam?" katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Mohd. Ridzuan mendakwa, berdasarkan pemerhatian pihaknya, kira-kira 85 peratus syarikat bukan Islam di negara ini memiliki sijil halal daripada Jakim sedangkan pengusaha Melayu dan bumiputera yang memohon pengiktirafan tersebut perlu menunggu masa lama.

Sementara itu, Presiden Jaringan Melayu Malaysia (JMM)

Azwanddin Hamzah meminta Jakim segera memberi penjelasan berhubung punca pencemaran coklat berkenaan bagi menjawab segala persoalan dan keraguan umat Islam mengenai perkara tersebut.

"Dalam kenyataan pada 24 Mei lalu, Jakim telah menggantung sijil pengesahan halal bagi kedua-dua produk coklat susu dengan kacang hazel dan buah badam berkuatkuasa serta-merta supaya dapat mengenal pasti punca pencemaran DNA babi di dalam produk tersebut.

"Ini bermakna memang jelas dua produk tersebut telah tercemar ketika ujian dibuat. Kegagalan Jakim untuk menjelaskan punca pencemaran itu

mengundang pelbagai spekulasi dan timbul rasa kurang yakin daripada umat Islam," katanya.

Dalam pada itu menurut beliau, ketiadaan makmal ujian sendiri sebaliknya hanya bergantung kepada makmal Kementerian Kesihatan atau Jabatan Kimia menunjukkan kelemahan ketara agensi terbabit.

"Jakim seharusnya mempunyai makmal sendiri yang dilengkapi kepakaran serta kemahiran dalam kalangan profesional Islam kerana melibatkan pemakanan untuk umat Islam. Mereka perlu memberi penjelasan tentang pencemaran ini dan bertindak lebih proaktif bagi menjaga nama baik Jakim," jelasnya.

Kementerian Kesihatan akui silap

Oleh KASTHURI JEEVENDRAN
pengarang@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 3 Jun - Kementerian Kesihatan mengakui melakukan kesilapan berhubung pengumuman terdapat kesan Asid Deoksiribonukleik (DNA) babi dalam kandungan dua produk coklat Cadbury termasuk tidak memaklumkan kepada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) terlebih dahulu.

Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Hilmi Yahya berkata, kesilapan berlaku apabila maklumat terhadap ujian makmal yang dijalankan ke atas produk-produk itu dibocorkan ke laman sosial selain

pengumuman dibuat terlalu awal.

Katanya, sikap terburu-buru seorang pegawai kementerian membocorkan laporan awal ujian itu sebelum ujian kedua dijalankan telah menimbulkan kekeliruan kepada orang ramai.

"Kebocoran maklumat awal siasatan itu adalah kesilapan daripada pegawai kami. Sikap terburu-buru telah menimbulkan kekeliruan dalam perkara ini. Saya mohon kepada semua untuk menerima keputusan Jakim. Satu kesilapan



HILMI YAHYA

telah dibuat oleh pegawai kami dan kementerian sedang jalankan siasatan dalaman dan tindakan tegas akan dirambil," katanya.

Beliau berkata demikian selepas melancarkan Persidangan dan Pameran Penjagaan Kesihatan Antarabangsa 2014 di sini hari ini.

Pengumuman Kementerian Kesihatan berhubung penemuan DNA babi dalam dua produk Cadbury iaitu coklat susu dengan kacang hazel dan coklat susu dengan buah badam baru-baru ini telah mengejut-

kan umat Islam.

Semalam, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom berkata, analisis makmal Jabatan Kimia terhadap dua produk coklat susu Cadbury terbatas disahkan tiada DNA babi.

Menurut Dr. Hilmi, sebarang keputusan berkenaan status halal atau haram melibatkan sesuatu produk kelak akan diuruskan oleh Jakim.

"Orang ramai boleh meyakini siasatan Jakim yang telah membuat pengesahan produk itu tidak mengandungi unsur haram dan selamat dimakan," katanya.

Dalam pada itu, beliau menolak kewujudan sebarang unsur sabotaj

melibatkan isu kebocoran ujian awal coklat Cadbury itu.

"Jakim dan Kementerian Kesihatan melakukan ujian makmal menggunakan prosedur operasi standard yang sama untuk mendapatkan keputusan. Kita mempunyai lebih 15 makmal bagi tujuan itu tetapi ujian Cadbury dibuat di Sungai Buloh sebelum maklumat mengenainya bocor tanpa pengesahan dalam ujian awal Februari lalu," ujarnya.

Tambahnya, berbanding makmal yang digunakan Jakim, makmal kementerian tidak diakreditasikan untuk penentuan produk halal dan hanya digunakan untuk kajian dalaman.

KERATAN AKHBAR
HARIAN METRO (SETEMPAT) : MUKA SURAT 06
TARIKH : 4 JUN 2014 (RABU)

ISU COKLAT CADBURY

Pegawai bocor maklumat awal akan disiasat

Petaling Jaya: Kementerian Kesihatan (KKM) sedang menyiasat pegawainya yang membocorkan laporan awal ujian Asid Deok-siribonukleik (DNA) babi dalam coklat Cadbury, sebelum ujian makmal kedua sempat dijalankan untuk mengesahkan kandungan itu.

Timbalan Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr Hilmi Yahya berkata, sikap terburu-buru seorang pegawai kementerian membocorkan laporan awal ujian itu sudah menimbulkan kekelebihuan dalam kalangan orang ramai.

"Satu kesilapan sudah dibuat pegawai kita sendiri..ki ni, kami sedang menjalankan siasatan dalaman. Kalau didapati bersalah, kami akan ambil tindakan terhadap pegawai berkenaan."

"Jakim dan KKM membuat ujian makmal mengikut prosedur yang sama. KKM mempunyai 15 makmal bagi tujuan itu, tetapi ujian produk Cadbury dibuat di makmal di Sungai Buloh sebelum ia terbocor tanpa pengesahan dalam

Mungkin sampel tercemar

Kuala Lumpur: Kementerian Kesihatan (KKM) tidak menolak kemungkinan berlaku pencemaran terhadap kedua-dua sampel coklat Cadbury yang diambil di pasaran untuk dianalisis di makmal sebelum ini.

Ketua Pengarah Kesihatan Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, kedua-dua sampel coklat dikesan mengandungi DNA babi (porcine) itu memang diambil di pasaran, bukan dari kilang dan kemungkinan berlaku pencemaran mungkin ada.

"Keputusan itu, masih positif, tetapi kemungkin-

nan sampel itu diambil dari tempat yang tercemar tidak boleh diketepikan dan kami tidak meragui ujian makmal itu, tetapi sampel itu tidak diambil dari kilang," katanya, semalam.

Dr Noor Hisham berkata, KKM dalam pada itu akan menyiasat untuk mengenal pasti punca pencemaran berkenaan.

"KKM dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) akan mengerakkan kerjasama dalam pemantauan dan usaha bersama untuk meny-

ragamkan penilaian makmal kepada tanda aras yang disahkan oleh Standard Malaysia seperti dinyatakan," katanya.

Pada 24 Mei lalu, KKM mengeluarkan kenyataan ia sudah mengesahkan 'porcine' atau DNA babi dalam coklat susu dan kacang Hazel serta coklat susu dan badam bagi kelompok produk itu bertarikh luput 13 November 2014 dan kelompok bertarikh luput 15 Januari 2015.

JAKIM pula kelmarin mengesahkan dua sampel produk coklat berkenaan yang diambil terus dari kilang syarikat itu disahkan oleh makmal Jabatan Kimia, tidak mengandungi DNA babi.

ujian awal Februari lepas," jelas beliau.

Dr Hilmi ditemui pemerita selepas melancarkan

Persidangan dan Pameran Perkhidmatan Kesihatan Antarabangsa ke-22 2014 di Pusat Konvensyen Sunway

Pyramid, di sini.

Bagaimanapun, beliau menolak unsur sabotaj dalam pembocoran laporan



DR HILMI

awal ujian itu di laman sosial.

Dr Hilmi berkata, sebarang keputusan mengenai status halal atau haram sesuatu produk kelak akan diuruskan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

Kelmarin, Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Jamil Khir Baharom berkata, analisis makmal Jabatan Kimia terhadap dua produk coklat susu Cadbury - Roast Almond dan Hazelnut (badam dan kacang hazel) disahkan tiada DNA babi. - BERNAMA

KERATAN AKHBAR
THE SUN (NEWS WITHOUT BORDERS) : MUKA SURAT 6
TARIKH: 04 JUN 2014 (RABU)

Samples may have been contaminated

KUALA LUMPUR: The Health Ministry said yesterday it does not rule out the possibility of contamination of the two samples of chocolate that it had tested positive for porcine DNA.

Director-General of Health Datuk Dr Noor Hisham Abdullah said the samples of the chocolate were taken from shelves and not from the factory.

"The result is still positive but the particular samples taken from the place that might possibly be contaminated cannot be ruled out. We are not doubting the lab test but the samples were not taken from the factory," he told Bernama.

Noor Hisham said the ministry and the Department of Islamic Development of Malaysia (Jakim) would strengthen cooperation in monitoring and setting the benchmark certified by Standards Malaysia.

The ministry issued a statement on May 24 saying that it had detected porcine DNA in samples of the Cadbury Dairy Milk Hazelnut and Cadbury Dairy Milk Roast Almond chocolate bars.

Jakim confirmed on Monday that two samples of similar chocolate bars it had obtained from the factory were free of porcine DNA.